

URON Effervescent Granules

Sodium Bicarbonate/Tartaric Acid/Citric Acid/Sodium Citrate (1.76g/0.89g/0.72g/0.63g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan URON
2. Bagaimana URON berfungsi
3. Sebelum menggunakan URON
4. Cara menggunakan URON
5. Semasa menggunakan URON
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan URON
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan URON

URON digunakan untuk:

- Pencegahan penghabluran urat dalam terapi gout.
- Melegakan ketidakselesaan dalam jangkitan saluran kencing yang ringan.
- Melegakan simptom disuria (kesakitan atau kesukaran membuang air kecil).
- Meningkatkan tindakan antibiotik tertentu, terutamanya sulfonamida

Bagaimana URON berfungsi

URON berfungsi sebagai pengalkali kencing dengan menaikkan pH air kencing, menjadikan air kencing anda kurang berasid.

Mengekalkan air kencing beralkali boleh membantu melarutkan batu asid urik.

Sebelum menggunakan URON

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil URON jika anda:

- mengalami kegagalan buah pinggang atau paras garam natrium yang tinggi dalam darah anda
- sedang mengambil ubat lain untuk merawat jangkitan saluran kencing, seperti hexamine mandelate atau hexamine hippurate
- mengalami kegagalan jantung
- sedang mengambil antibiotik jenis *quinolone*

- Sebelum menggunakan URON

Rujuk doktor anda sebelum anda mula mengambil ubat ini jika:

- anda sedang menjalani diet rendah natrium

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat, termasuk URON

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan tanpa preskripsi.

Ubat-ubatan berikut mungkin berinteraksi dengan URON:

- tetracycline, ciprofloxacin, norfloxacin, ofloxacin, hexamine hippurate, hexamine mandelate (antibiotik)
- ubat pelawas atau julap
- chlorpropamide (ubat kencing manis)
- litium (ubat untuk merawat gangguan bipolar)
- salicylate (ubat tahan sakit)
- amphetamine (ubat untuk merawat sindrom kurang perhatian dan hiperaktif - ADHD)
- antasid (ubat untuk merawat sakit pedih ulu hati)

Cara menggunakan URON

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Larutkan 1 hingga 2 paket dalam air sejuk.

- Bila perlu digunakan

Ambil empat kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini untuk 5 hari atau untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang patut anda lakukan jika anda terlupa untuk menggunakannya. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Buat ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak URON boleh menyebabkan badan anda menjadi terlalu beralkali (alkalosis metabolik).

Semasa menggunakan URON

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil URON.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor anda.

Jangan berikan URON kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda perlu mengamalkan diet yang rendah dengan garam natrium, ambil

URON Effervescent Granules

Sodium Bicarbonate/Tartaric Acid/Citric Acid/Sodium Citrate (1.76g/0.89g/0.72g/0.63g)

maklum bahawa URON mengandungi natrium (650mg setiap sachet).

Deskripsi larutan: Larutan yang telah disediakan adalah jernih dan berperisa lemon.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, URON boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku dengan URON adalah seperti berikut:

- Kesan julap ringan (menyebabkan cirit-birit atau pembuangan air besar)
- pengumpulan alkali dalam badan (alkalosis sistemik) jika digunakan secara berlebihan
- paras natrium yang tinggi dalam darah

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan URON

- Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Deskripsi serbuk: Berwarna putih hingga putih kekuningan, dalam bentuk butiran berperisa lemon.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Sodium Bicarbonate BP
 - Tartaric Acid BP
 - Citric Acid Anhydrous BP
 - Sodium Citrate Anhydrous USP

- Bahan tidak aktif
 - Perisa limau

- Nombor MAL
MAL*****

Pengilang

Ind-Swift Limited
Off. NH-21, Village Jawaharpur, Tehsil Derabassi, District SAS Nagar (Mohali), Punjab-140507, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd,
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

28.04.2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/064